

**Mesyuarat Menteri-Menteri Undang-Undang ASEAN Ke-11 (Mesyuarat ALAWMM Ke-11)
Hotel Four Seasons, Kuala Lumpur
27 Oktober 2021**



Mesyuarat Menteri-Menteri Undang-Undang ASEAN Ke-11 (Mesyuarat ALAWMM Ke-11) telah berlangsung di Hotel Four Seasons, Kuala Lumpur secara persidangan video.

Mesyuarat ALAWMM Ke-11 ini dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Sekretariat ASEAN selaku hos bersama pada 27 Oktober 2021.

Selaku penganjur, Mesyuarat ALAWMM Ke-11 telah dipengerusikan oleh YB Dato Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Parlimen dan Undang-Undang.

YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun, Peguam Negara telah mengetuai Delegasi Malaysia dalam Mesyuarat ALAWMM Ke-11. Turut hadir YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar, Peguam Cara Negara II dan YBrs. Puan Haliza Aini Dato' Othman, Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa.



PERISTIWA

"20th ASEAN Senior Law Officials Meeting (ASLOM)"
Hotel Four Seasons, Kuala Lumpur
25-26 Oktober 2021

Mesyuarat Pegawai Kanan Undang-Undang ASEAN Ke-20 (Mesyuarat ASLOM Ke-20) telah berlangsung di Hotel Four Seasons, Kuala Lumpur secara persidangan video. Mesyuarat ASLOM Ke-20 ini dianjurkan oleh ASLOM-Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Sekretariat ASEAN selaku hos bersama pada 25 dan 26 Oktober 2021. Selaku penganjur, Mesyuarat ASLOM Ke-20 telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar, Peguam Cara Negara II.

YBrs. Puan Haliza Aini Dato' Othman, Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, telah mengetuai Delegasi Malaysia dalam Mesyuarat ASLOM Ke-20 yang juga merangkap sebagai Ketua ASLOM-Malaysia. Turut hadir selaku ASLOM-Malaysia Focal Point adalah Timbalan Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa II YBrs. Dr Suraya Harun, YBrs. Tuan Muhammad Rushdan bin Mohamed, Ketua Seksyen Perkara Persempadanan, Wilayah dan Maritim, YBrs. Puan Norzita Abu Samah, Peguam Kanan Persekutuan Projek-Projek Khas Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, dan Puan Nurashikin Ismail Ketua Unit Hak Asasi Manusia dan Pertubuhan Antarabangsa yang juga merangkap sebagai ASLOM-Malaysia Focal Point.

Delegasi Malaysia turut disertai oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Pendakwaan dan Bahagian Guaman Jabatan Peguam Negara serta wakil daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.



PERISTIWA

Mesyuarat "1st Senior Officials' Meeting of the Central Authorities on Mutual Legal Assistance In Criminal Matters (1st SOM-MLAT)" Secara Telesidang
Jabatan Peguam Negara
2-3 November 2021



"1st Senior Officials' Meeting of the Central Authorities on Mutual Legal Assistance in Criminal Matters (1st SOM-MLAT)" telah diadakan secara telesidang pada 2 dan 3 November 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat 2, Aras 5, Jabatan Peguam Negara.

Mesyuarat tersebut disertai oleh YBrs. Tuan Ramesh Gopalan, Ketua Unit Jenayah Transnasional bersama pegawai-pegawai daripada Unit Jenayah Transnasional dan wakil daripada Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara.



PERISTIWA

Majlis Perasmian Persidangan Bahagian Guaman Tahun 2021
The Saujana Hotel, Shah Alam, Selangor
10-12 November 2021



Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) JALSOA Sesi 2019/2020 dan Sesi 2020/2021
Jabatan Peguam Negara
19 November 2021



PERISTIWA

**Mesyuarat Bulanan, Dwi Bulanan dan Majlis Makan Tengah Hari Keluarga Penasihat
Jabatan Peguam Negara
18 November 2021**



**Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Jabatan Peguam Negara (AGC) Bilangan 4 Tahun 2021
Jabatan Peguam Negara
29 November 2021**



PERISTIWA

Mesyuarat "59th Annual Session of the Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO)"
Jabatan Peguam Negara
29, 30 November dan 1 Disember 2021




Mesyuarat "59th Annual Session of the Asian-African Legal Consultative Organization (AALCO)" telah diadakan secara telesidang pada 29, 30 November dan 1 Disember 2021 bertempat di Bilik Persidangan, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.

YBrs. Tuan Alfian bin Yang Amri, Timbalan Ketua Bahagian I, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara telah mengetuai delegasi Malaysia dalam mesyuarat tersebut. Turut hadir bersama pegawai-pegawai dari Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, YBrs. Dr. Suraya Harun, Timbalan Ketua Bahagian II, YBrs. Tuan Muhammad Rushdan bin Mohamed, Ketua Seksyen Perkara Persempadanan, Wilayah dan Maritim, YBrs. Puan Norzita Abu Samah, Peguam Kanan Persekutuan Projek-Projek Khas serta YBrs. Puan Nurashikin Ismail, Ketua Unit Hak Asasi Manusia dan Pertubuhan Antarabangsa.



PERISTIWA

Program Outreach Perkhidmatan Kaunter JPJ Mobile Jabatan Peguam Negara 29 dan 30 November 2021



Mesyuarat Bahagian Pendakwa Bilangan 3 Tahun 2021 Jabatan Peguam Negara 16 Disember 2021



PERISTIWA

Majlis Menandatangani "Treaty on Extradition & Treaty on Mutual Assistance in Criminal Matters Between The Government of Malaysia and Romania"

Hotel Four Seasons, Kuala Lumpur

6 Disember 2021



Majlis Menandatangani "Treaty on Extradition & Treaty on Mutual Assistance in Criminal Matters Between The Government of Malaysia and Romania" telah diadakan 6 Disember 2021 bertempat di Hotel Four Seasons, Kuala Lumpur.



Malaysia diwakili oleh YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun, Peguam Negara manakala Romania diwakili oleh Duta Besar Romania ke Malaysia, P.Y.T Nineta Bărbulescu. Turut sama hadir YBhg. Datuk Abdul Razak bin Musa, Peguam Cara Negara.

KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Tan Sri Peguam Negara oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), YB Dato Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar di Pejabat YBhg. Tan Sri Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara 15 September 2021



Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Tan Sri Peguam Negara oleh Duta Besar Kuwait ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT) Dr. Hamad Burhamah di Pejabat YBhg. Tan Sri Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara 22 September 2021



KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Tan Sri Peguam Negara oleh
Koordinator Residen PBB di Malaysia, Singapura dan Negara Brunei Darussalam,
Puan Yang Terutama (PYT) Karima El Korri
di Pejabat YBhg. Tan Sri Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara
1 Oktober 2021



KUNJUNGAN HORMAT

**Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Tan Sri Peguam Negara oleh
Duta Besar Uzbekistan ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT) Ravshan Usmanov
di Pejabat YBhg. Tan Sri Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara
1 November 2021**



**Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Tan Sri Peguam Negara oleh
Penasihat Khas Perdana Menteri Hal Ehwal Undang-undang dan Hak Asasi,
YB Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said
di Pejabat YBhg. Tan Sri Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara
18 November 2021**



SEKALUNG BUDI

**Majlis Lambaian Kasih Sekalung Budi,
YBhg. Dato' Azlan Abdul Halim, Timbalan Ketua Bahagian Pendakwaan III
Jabatan Peguam Negara
10 September 2021**



**Majlis Meraikan Persaraan YBrs. Puan Haliza Aini Dato' Othman,
Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa
Jabatan Peguam Negara
29 November 2021**



SEKALUNG TAHNIAH



Tahniah

YBHG. DATUK ABDUL RAZAK BIN MUSA
Peguam Cara Negara

&

YBHG. DATUK AZIAN BINTI MOHD AZIZ
Ketua Bahagian Gubalan

atas Pengurniaan Darjah Kebesaran
PANGLIMA JASA NEGARA (P.J.N.)

Sempena
Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi
KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong

INFORMASI

Larangan Membuat PERNYATAAN AWAM TANPA KEBENARAN


PERATURAN 1(1), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (MELAKUKAN & TATA TERTIB) 1993 [c. 11 (A) 395/1993]
Arahan Peguam Negara Bilangan 4 Tahun 2020

"seorang pegawai tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain-

- membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;
- membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukan nama Kerajaan;
- membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
- mengedarkan apa-apa pernyataan awam atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain."

TERMASUK

Menggunakan media social untuk menyebarkan maklumat



TAHNIAH AGC



Tahniah diucapkan kepada Jabatan Peguam Negara di atas penganugerahan "Kebolehskalaan dan Daya Tahan Terbaik" sebagai salah satu dari 8 kategori yang dipertandingkan di dalam Green Computing Awards 2021 anjuran Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MiGHT).

Majlis penyerahan telah disempurnakan oleh Menteri MOSTI, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba kepada YBrs. Tn. Noor Mohd Huzaila bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan AGC. Pada majlis itu juga, menteri telah merasmikan Pusat Data Edgibility 1 di mana semua server ditenggelamkan di dalam bahan penyejuk yang mempunyai pensijilan tahap titanium satu-satunya di Asia Pasifik dan timur tengah.



Diterbitkan oleh: Unit Komunikasi Strategik, Jabatan Peguam Negara

 Jabatan Peguam Negara Malaysia

 jabatan_peguam_negara

 Jab Peguam Negara